

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4&5

NAMA PENUH :		KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	SINTAKSIS	SK : 5.3 SP : 5.3.4	RUJUKAN :
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Menggunakan ragam ayat yang betul mengikut konteks.		
AKTIVITI :	1. Murid dapat kenal pasti ragam ayat yang betul mengikut konteks.		

LATIHAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti satu ayat tanya, satu ayat penyata dan dua ayat perintah yang terdapat dalam petikan. Anda perlu menyalin ayat tersebut dalam ruangan yang disediakan.

Apakah ciri-ciri pemimpin idaman anda?

“Antara ciri pemimpin idaman saya ialah prihatin dan berjiwa rakyat. Sebagai peniaga gerai, saya amat bergantung harap pada pemimpin untuk menyelesaikan masalah peniaga kecil seperti kami. Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. Ambil tahu tentang keperluan kami.”

Puan Nurul Izzati binti Ayob,
Pemilik gerai.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 4 halaman 222
Kementerian Pendidikan Malaysia.

JENIS AYAT	AYAT
AYAT TANYA	1.
AYAT PENYATA	2.
AYAT PERINTAH	3.
	4.

LATIHAN 2

Kenal pasti jenis-jenis ayat di bawah sama ada ayat tanya, ayat penyata, ayat perintah dan ayat seruan dan tuliskan dengan jelas dalam ruangan yang disediakan.

AYAT	JENIS AYAT
1. Jangan bermain mercun, nanti terbakar tangan.	
2. Bumbung rumah itu rosak kerana dihempap pokok kelapa.	
3. Wah, cantiknya bunga-bunga di taman itu!	
4. Lima orang pelajar telah terbunuh dalam kemalangan yang mengerikan itu.	
5. Siapakah pengetua baharu sekolah kita?	
6. Tolong belikan saya sebungkus nasi lemak di gerai itu.	